

# Bangsa Malaysia harapan negara

DI 11 AUG 1966

**KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan perlunya diwujudkan satu bangsa Malaysia baru yang sederhana, berdisiplin dan rajin berusaha.**

Bangsa Malaysia baru, kata Perdana Menteri, ialah bangsa yang mempunyai semangat kebangsaan, tanpa mengeneikan kepentingan agama.

Melalui bangsa Malaysia baru juga, katanya, akan mendorong rakyat negara ini bekerja untuk negara supaya mereka menjadi bangsa yang maju dan dihormati di seluruh dunia.

"Harapan kita ialah membentuk satu bangsa Malaysia baru daripada orang yang sederhana fikirannya, yang menerima hakikat keadaan negara sekarang, serta sanggup bekerjasama antara kaum di negara ini.

"Impian kita adalah satu bangsa Malaysia baru yang mengutamakan

pebangunan negara lebih daripada kepentingan nafsu dan tidak berfikiran sempit terhadap kaum-kaum lain," katanya ketika merasmikan Kompleks MAYC, di sini.

Perdana Menteri berkata, bagi menjamin bangsa Malaysia baru itu menjadi kenyataan, permulaannya mesti daripada golongan belia yang bakal mewarisi masa depan negara.

Dalam hal ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir, fungsi kelab-kelab belia seperti Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) amat penting dalam menarik penyertaan belia semua kaum di negara ini.

"Ketika ini masih kurang penyertaan belia daripada sesetengah kaum dan ia adalah perkembangan tidak sihat. Namun, kita yakin mereka ingin menyertainya tetapi terhalang oleh sesuatu sebab yang patut dikaji

oleh pemimpin-pemimpin pertubuhan belia," katanya.

Beliau berkata, dalam mencapai tujuan itu, disiplin adalah penting kerana ia akan menentukan kejayaan.

Katanya lagi, disiplin harus tertanam di hati setiap rakyat kerana mereka tidak boleh hidup sendiri tanpa menyertai masyarakat atau organisasi.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, selain berdisiplin, bangsa Malaysia baru juga mesti mempunyai semangat rajin bekerja yang bukan semata-mata untuk mendapatkan ganjaran, tetapi membina negara yang akan memberikan hasil kepada rakyat dan generasi akan datang.

"Tidak ada gunanya perjuangan kemerdekaan kalau kemerdekaan itu membawa kehidupan kita lebih hina dan dipandang rendah oleh manusia

lain. Kita mahu kemerdekaan kita dihormati oleh seluruh dunia," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha membentuk manusia yang berdikari dan mempunyai nilai-nilai baik, kerajaan diserang hebat oleh mereka yang tidak ingin melihat negara ini maju.

"Apabila kita berkata kita mahu bentuk masyarakat yang bersih, cekap dan amanah, mereka mencari pelbagai bukti yang menampakkan negara tidak mengamatkannya, sehingga hilang kepercayaan rakyat kepada slogan itu dan kita tidak berjaya mencapai matlamatnya.

"Saya yakin orang ini juga, dengan sokongan orang asing yang tidak suka kepada kita, akan terus cuba menggagalkan usaha kita untuk membentuk bangsa Malaysia baru," katanya.